

# Selamatkan tebing Sungai Long

Oleh NAN HIDAYAT NAN AZMIE  
dan NURUL IZZA ROSLY  
berita@kosmo.com.my

**KAJANG** - Dakwaan pakar tanah yang menyatakan bahawa bulan April merupakan bulan tanah runtuh mungkin ada kebenarannya.

Terbaru, penduduk di sekitar Sungai Long di sini resah dan kecewa dengan kelewatan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menangani masalah tanah runtuh yang berlaku di kawasan itu.

Walaupun kejadian itu dilaporkan telah berlaku kira-kira dua minggu lalu tapi masih belum ada sebarang langkah susulan yang diambil oleh MPKj termasuk meletakkan sebarang tanda amaran kepada orang ramai mengenai bahaya yang mungkin berlaku di kawasan tersebut.

Seorang penduduk yang enggan dikenali berkata, aktiviti harian penduduk kini terbatas kerana jalan itu merupakan laluan utama penduduk menuju ke Kajang.

“Malah beberapa tiang lampu turut menanti masa untuk rebah, di mana ia jelas membahayakan kami terutamanya kanak-kanak,” katanya yang kecewa dengan sikap sambil lewa MPKj di dalam menangani isu berkenaan.

Tinjauan *KOSMO!* di tempat kejadian malam semalam mendapati keadaan berhadapan Stesen Minyak Shell itu semakin ‘tenat’ apabila hampir 80 peratus daripada jalan raya di kawasan perumahan berkenaan runtuh.

Keadaan lebih buruk apabila hujan lebat yang sedikit demi sedikit menghakis tebing selain arus Sungai Long yang mengalir deras sehingga menyebabkan struktur tanah yang tidak kukuh semakin banyak terhempas ‘me-



**TEBING** Sungai Long yang dikhuatiri runtuh sehingga merosakkan jalan raya di Jalan Sungai Long 1/7, Kajang.

nyembah bumi’.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Zainal Abidin Arshad berkata, kejadian tanah runtuh tersebut bermula pada 13 April lalu dan pihaknya memang menyedari akan hal tersebut.

“Tindakan telah diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan menanam cerucuk besi dan meletakkan batu gabien di

sebelah kanan bagi mengelakkan tanah runtuh berlaku.

“Kejadian malam semalam melibatkan runtuh tanah di sebelah kiri yang turut melibatkan jalan raya di kawasan perumahan berkenaan.

“Berikutan dengan itu JPS telah menjalankan kerja-kerja penambakan hari ini dan menanam cerucuk besi serta meletakkan batu

gabien di sebelah kiri tebing Sungai Long tersebut,” katanya kepada pemberita semalam.

Menurut Zainal, apa yang MPKj akan lakukan ialah menurap jalan seperti sedia kala apabila kerja-kerja penambakan siap dilakukan.

Kerja-kerja penambakan tersebut mengambil masa seminggu dan akan disiapkan dengan kadar segera.